

Rutin Berfikir Dan Keberkesanan Maklum Balas Guru Dalam PdP Kemahiran Lisan Melalui Portal SLS

Marhaini Rahmat

marhaini_rahmat@schools.gov.sg

Siti Aisah Maduri

siti_aisah_maduri@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Bukit View

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan penerapan rutin berfikir dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*MTV*) melalui Sistem *1:1 computing* dalam pelajaran lisan menggunakan klip video. Kajian memfokuskan pembinaan kemahiran menjawab soalan lisan berdasarkan klip video dengan lebih mendalam dan sistematik. Penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Nyatakan-Sokong-Soal dalam portal SLS juga dimanfaatkan sebagai wadah untuk guru dan pelajar memberi maklum balas secara langsung ketika melaksanakan tugas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat berfikir dengan lebih mendalam tentang tema dengan menggunakan rutin berfikir. Maklum balas secara langsung daripada guru didapati berupaya membimbing pelajar secara khusus dan mendorong mereka meluaskan idea dan memberikan pendapat yang lebih tuntas.

Kata Kunci: rutin berfikir, SLS, maklum balas, kemahiran lisan



PENGENALAN

Komponen ujian lisan menggunakan video merupakan antara penilaian yang penting di peringkat sekolah menengah. Walaupun pelajar Menengah 1 pernah menggunakan video seminit untuk ujian lisan bagi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) semasa di sekolah rendah, mereka belum terbiasa dengan tuntutan soalan bagi ujian lisan di peringkat sekolah menengah. Pelajar diperlukan memberikan jawapan yang lebih terperinci, mendalam dan kreatif mengenai sesuatu topik yang berkaitan dengan tema klip video yang ditonton. Kajian ini bertujuan menerapkan rutin berfikir dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) untuk membimbing dan menambah nilai pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam menguasai kemahiran lisan. Dengan penggunaan rutin berfikir ini, diikuti dengan maklum balas yang langsung daripada guru, dipercayai berupaya mempertingkatkan prestasi pelajar tatkala menghadapi peperiksaan lisan. Penggunaan rutin berfikir dalam portal SLS membenarkan guru dan pelajar untuk memberikan maklum balas secara langsung bagi menambah nilai kemahiran pelajar. Pembelajaran menerusi ICT merupakan suatu kelaziman bagi kajian ini kerana sekolah telah mempelopori Sistem *1:1 computing* sejak tahun 2016. Setiap pelajar memiliki *Chromebook* untuk mendukung pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas. Dengan memanfaatkan kemudahan ICT yang sedia ada bagi setiap pelajar, pengkaji telah menjalankan kajian untuk membantu pelajar menguasai kemahiran lisan dengan menerapkan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) dan Nyatakan-Sokong-Soal (NSS) melalui Sistem *1:1 computing* dalam portal SLS.

PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan awal yang dilakukan semasa peringkat awal pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menunjukkan bahawa pelajar secara purata menghadapi kesukaran mengutarakan idea-idea utama berdasarkan video stimulus kerana mereka tidak menumpukan perhatian kepada apa yang mereka lihat dan dengar. Pendapat yang pelajar berikan tidak dapat dirumuskan dengan baik. Hal ini berlaku kerana pelajar tidak dapat mengaitkan pendapat dengan tema yang berkaitan dalam video. Ketiadaan bimbingan idea secara



perancangan dasar yang jelas (*scaffold*) juga menghalang kemampuan pelajar untuk menyokong pendapat dengan bukti-bukti yang sesuai. Pengkaji percaya bahawa sekiranya pelajar dapat berfikir mengikut rutin berfikir; ditambah pula dengan maklum balas yang diberikan secara langsung (*immediate*) oleh guru dan khusus bagi memperbaiki pemahaman tentang topik berkaitan dengan tema klip video, pelajar akan dapat menjawab soalan-soalan lisan dengan lebih tuntas.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meneliti:

1. keberkesanan portal SLS dan penggunaan rutin berfikir melalui Sistem *1:1 computing* dalam membimbing pemikiran pelajar untuk memahami sesebuah tema klip video; dan
2. keberkesanan portal SLS dan penggunaan rutin berfikir dalam memberi maklum balas secara langsung dan khusus oleh guru dengan tujuan mengenal pasti pemahaman pelajar tentang video yang ditonton.

Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh guru untuk memandu arah tuju PdP Bahasa Melayu dalam sekolah dari aspek menguasai kemahiran lisan agar pelajar akhirnya dapat memperbaiki dan meningkatkan prestasi dalam penilaian lisan. Hasil pembelajaran umum yang cuba dicapai pula merujuk kepada kebolehan pelajar untuk menjalankan tindak balas berdasarkan konteks, tujuan, khalayak dan situasi secara lisan atau bukan lisan melalui rutin berfikir, khususnya rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) dan Nyatakan-Sokong-Soal (NSS).

KAJIAN LEPAS

Rutin berfikir

Rutin berfikir memberi peluang kepada guru menilai pemahaman dan kebolehan pelajar berdasarkan artifak yang jelas dan konkrit. Lantaran itu, guru



dapat mengenal pasti dengan tepat setiap jurang pembelajaran yang dihadapi oleh setiap pelajar. Dengan ini, mereka dapat membina rancangan pelajaran serta memberikan maklum balas yang paling sesuai kepada setiap pelajar bagi membantu mereka merapatkan jurang pembelajaran yang dihadapi.

Berdasarkan kajian lepas, para pengkaji seperti Ron Ritchhart dan David Perkins, ada menerangkan di dalam buku '*Making Thinking Visible*' (MTV) bahawa pelajar yang kerap mengamalkan rutin berfikir, selalunya menjadi lebih berkeyakinan tinggi untuk melibatkan diri dalam perbincangan sekelas. Aktiviti di bilik darjah juga menjadi lebih berpusatkan pembelajaran dan pelajar (Marshall, 1988). Ramai juga pelajar memberi lapor balik bahawa rutin berfikir telah membantu mereka menyusun kerangka pemikiran mereka sebelum mereka mula menulis esei sewaktu peperiksaan (Ritchhart, Palmer, Church, & Tishman, 2006).

Maklum Balas

Beberapa kajian lepas yang dijalankan menunjukkan bahawa secara amnya, maklum balas berupaya meningkatkan prestasi dan pembelajaran akademik pelajar. Dalam konteks maklum balas secara bertulis, Tai, Lin, dan Yang (2015) mendapati bahawa maklum balas bertulis guru mempunyai kesan yang mendalam terhadap kemahiran menulis pelajar dari segi penjanaan isi atau kandungan, organisasi, tatabahasa dan gaya. Ciftci dan Kocoglu (2012) dan Kitchakarn (2013) menambah bahawa pelajar yang menerima maklum balas rata-rata menunjukkan prestasi yang lebih tinggi dalam draf mereka yang telah disemak semula. Selain itu, pemahaman mereka tentang kemahiran menulis yang diperlukan untuk melaksanakan lebih banyak tugas menulis yang mencabar menjadi lebih baik. Walau bagaimanapun, kadangkala, maklum balas gagal mendatangkan manfaat terhadap pembelajaran pelajar. Seperti contoh, sesetengah pelajar menghadapi kesukaran memahami dan mengaplikasikan maklum balas dalam semakan draf mereka akibat penggunaan istilah yang terlalu teknikal dan nada teguran guru yang bersifat terlalu akademik. (Bailey & Garner, 2010; Cox et al, 2015)

Walaupun wujudnya cabaran yang menyekat keberkesanan maklum



balas, ia semestinya merupakan suatu cara yang amat berkesan untuk membantu pelajar mencapai matlamat yang ditetapkan dalam setiap pelajaran. Kepentingan maklum balas disimpulkan oleh Hattie (2012;) ketika beliau mengupas tentang peranan maklum balas. Secara ideal, pengajaran dan pembelajaran perlu bergerak dari tugas (*task*) ke arah proses (*process*) atau pemahaman yang diperlukan untuk mempelajari tugas itu, dan kemudian menolong pelajar mengemudi pembelajaran sendiri (*self-regulation*) dengan mencuba tugasan yang lebih mencabar daripada yang sedia ada.

KAEDAH KAJIAN

Praujian telah dijalankan pada awal tahun untuk melihat keupayaan pelajar memberi ulasan video tanpa didedahkan kepada struktur atau format tertentu. Guru juga bertanya kepada pelajar dalam bentuk *Google Form* serta lisan tentang pendedahan pelajar terhadap komponen lisan perbualan berdasarkan video serta format atau strategi yang telah didedahkan kepada pelajar semasa di sekolah rendah. Pada masa yang sama, guru bertanya keberkesanan strategi yang telah dipelajari semasa di sekolah rendah itu.

Selepas mengumpulkan maklumat, guru mengemas kini dan menerapkan rutin berfikir LFT dan NSS dalam PdP di dalam bilik darjah. Selepas rutin berfikir ini diajarkan kepada pelajar, guru meninjau jawapan pelajar dan meneliti maklum balas yang didapatkan daripada kesemua 29 pelajar secara lisan. Penyesuaian dilakukan kepada rutin berfikir untuk mempermudah guru mengajar serta pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan apa yang diajar tanpa bimbingan guru. Kebanyakan pengumpulan maklum balas dalam kajian ini berbentuk lisan atau dalam bentuk *Google Forms* memandangkan fokus kajian bersifat kualitatif.

Subjek Kajian

Subjek kajian yang terlibat merupakan pelajar Menengah 1 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu bagi setiap peringkat, yakni, Bahasa Melayu Ekspres, Normal Akademik, dan Bahasa Melayu Lanjutan. Jumlah keseluruhan subjek kajian yang terlibat ialah 29 orang pelajar daripada



pelbagai aras kebolehan dari segi tahap penguasaan Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah sistem *1:1 computing* yang diterapkan dalam PdP setiap subjek dan telah digunakan sejak tahun 2016. Oleh yang demikian, guru sudah biasa mengendalikan kelas di mana pelajar dikehendaki menggunakan komputer riba peribadi mereka di dalam kelas. Para guru telah mahir memanfaatkan perisian e-pedagogi seperti *Google Docs*, *Mentimeter* dan *Kahoot* dalam PdP di sekolah.

Namun demikian, portal SLS pula merupakan sesuatu perkara yang baharu bagi para guru. Bagi projek ini, pengkaji mengambil keputusan untuk menyahut cabaran MOE untuk memanfaatkan portal SLS, satu inisiatif terbaharu MOE yang masih belum dipelopori secara mendalam oleh guru di Singapura. Portal ini diharap dapat menjadi sebuah portal pembelajaran dalam talian yang membolehkan setiap pelajar berupaya mengakses sumber-sumber yang bersesuaian dengan kurikulum yang berkualiti (MOE, 2019). Portal ini turut dilengkapi dengan pelbagai struktur, templat dan rutin berfikir MTV yang mendorong guru membentuk sebuah pelajaran yang dapat menjadikan pemikiran pelajar lebih jelas.

Prosedur Kajian

Selain penggunaan teknologi yang berkesan dengan penggunaan portal SLS, rutin berfikir juga mendorong pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam dan secara lebih berstruktur. Hal ini selari dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang mana proses pembelajaran yang menyeronokkan merupakan aspek utama. Kajian ini menepati keempat-empat proses pengajaran; Budaya Positif di Bilik Darjah, Penyediaan Pelajaran, Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas. Jadual 1 menunjukkan pemilihan aspek pengajaran dan aktiviti mengajar bagi pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas berdasarkan STP yang digunakan bagi kajian ini.



Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura (STP)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP16: Menggunakan Fleksibiliti	AM2: Memberikan Tahap Perancah yang Diperlukan <ul style="list-style-type: none"> • Kajian ini dipilih untuk memberikan pelajar perancah yang diperlukan apabila menonton video dan mendengar audio. • Untuk memastikan pelajar memberikan respons yang berkualiti, maklum balas diberikan oleh guru. Pada masa yang sama, ini memberikan peluang kepada guru untuk menangani pelajar yang tidak memberikan respons kerana tidak memahami atau memerlukan perancah tambahan.
	AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM5: Menggunakan Penyusun Grafik <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan penyusun grafik digunakan untuk setiap bahagian untuk memudahkan pelajar untuk mengaitkan idea mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen sahaja Guru memberikan maklum balas mengenai jawapan pelajar dalam talian.
	AP 23: Menyokong Pembelajaran secara Kendiri	AM4: Perbincangan Forum dalam Talian Berstruktur Guru menggalakkan perbincangan forum dalam talian bagi memberi ruang untuk pelajar menyuarakna idea dan pendapat mereka dalam situasi yang selesa dan selamat.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian praujian yang dilaksanakan pada awal tahun, pelajar mempunyai kesukaran untuk memikirkan idea yang ingin disampaikan dalam penyampaian lisan. Pada masa yang sama, jawapan pelajar selalunya tidak berstruktur kerana tidak pasti akan apa yang perlu dikembangkan. Berdasarkan praujian yang dikendalikan, pelajar mengambil masa yang panjang untuk menghasilkan jawapan. Namun demikian, ada sesetengah pelajar yang menuliskan jawapan mereka dalam bentuk prosa atau butiran sebelum merakamkan jawapan mereka untuk penyampaian lisan berdasarkan video.

Berdasarkan hasil praujian yang dijalankan, pengkaji mengenal pasti rutin berfikir yang sesuai untuk diaplikasikan bagi menjana pemikiran pelajar dalam bahagian lisan khususnya dalam perbualan berdasarkan video. Lantas, rutin berfikir LFT dijadikan pilihan. Rutin berfikir ini diubah suai untuk menepati bahan video yang mempunyai audio *See-Listen-Think-Wonder* (SLTW).

Pada mulanya, pelajar hanya diberikan penyusun grafik menggunakan rutin berfikir *See-Listen* daripada *SLTW* yang ringkas untuk diisikan tatkala menonton video seperti di dalam Rajah 1.

Rajah 1: Penyusun Grafik Untuk *See-Listen* Di Portal SLS

The screenshot shows the SLS Student Learning Tools interface. On the left is a navigation menu with icons for home, course, and user profile. The main content area is titled '4. Lisan - BACAAN 2' and includes a toggle switch. Below this is the activity title 'Facilitate Demonstration of Learning'. There are two more items in the list: '5. Lisan - Video 1 - SEE-LISTEN-TW' and '6. Lisan - Video 1 - SL-THINK-WONDER', both with toggle switches. The main content area contains instructions: '1. Tonton video di atas ini.' and '2. Catatkan perkara-perkara yang kamu nampak dan dengar tentang video ini **seterperinci** (most detailed) mungkin. Elak memberi maklumat yang tidak dapat didengar atau dilihat (inferens) dalam video.' A note states: 'Nota: Rajah di bawah ini hanya boleh diedit atau dikemas kini untuk tiga kali sahaja.' Below the instructions is a 'THINKING ROUTINE 1' section with a table:

Saya dengar ... dalam video tersebut.	Saya lihat ... dalam video tersebut.
---------------------------------------	--------------------------------------

Below the table is a 'POLL 1' section with the question: 'Saya memahami apa yang dikatakan dan ditunjukkan di dalam video ini.' and two radio button options: 'Ya.' and 'Tidak.'

Berdasarkan Rajah 1, *Listen* atau aktiviti mendengar audio merupakan langkah pertama yang disarankan agar pelajar mengenal pasti kata kunci utama dalam video. Langkah ini dapat membantu pelajar terutama sekali mereka yang beraras kemahiran rendah. Pelajar tidak perlu memerah otak untuk memikirkan kekata kunci yang sesuai yang dapat dikaitkan dengan apa yang dapat dilihat dalam klip video. Ini akan mempercepatkan proses penghadaman maklumat pelajar.

Kemudian, pelajar diarahkan untuk melengkapkan penyusun grafik bagi bahagian *Think-Wonder* pula untuk memperlihatkan pendapat dan pemikiran pelajar setelah menonton video yang diberikan seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2. Proses ini dapat membantu pelajar berfikir secara kritis dan kreatif secara mendalam bagi memberikan pandangan atau perspektif yang berbeza mengikut fahaman mereka tentang cerita yang ditonton dari video tersebut.

Rajah 2: Penyusun Grafik Untuk *Think-Wonder* Di Portal SLS

The screenshot shows the SLS Student Learning Space interface. The header includes 'STUDENT LEARNING SPACE' and search/notification icons. The left sidebar contains navigation options like 'Home', 'Student Access', 'Activate Learning', and 'Promote Thinking and Discussion'. The main content area displays 'Lisan - Video 1 - SL-THINK-WONDER' and a video player. Below the video player is a 'THINKING ROUTINE 1' section with a table of questions.

THINKING ROUTINE 1	
Apakah yang ingin disampaikan dalam video ini? Mengapa awak berkata demikian?	Apakah soalan-soalan yang awak ada tentang video ini?
Saya rasa video ini... kerana ...	Saya ingin bertanya

Berdasarkan pelajaran pertama, beberapa perkara diperhalusi. Sebagai contoh, elemen Tema diperkenalkan untuk membantu pelajar mengenal pasti idea paling utama yang terkandung dalam video. Langkah ini penting untuk mendorong pelajar membuat kesimpulan yang lebih kukuh serta mengelakkan idea yang menerawang.



Rajah 3: Mengisikan Tempat Kosong Untuk *Listen* Dalam SLS

S-LISTEN-TW

Dengar video satu minit ini dan lengkapkan petikan berikut dengan mengisikan tempat kosong.

Q1: Tahun lalu, satu [] berkongsi payung telah dilancarkan di MRT Sembawang bagi [] kaki yang ingin [] jalan ketika hujan. Namun, tidak berapa lama selepas [], banyak payung percuma ini tidak []. Yang menariknya, ada penduduk yang telah menggantikan payung mereka sendiri untuk diletakkan di tempat berkongsi payung. Semangat [] yang kukuh amat diperlukan bagi kejayaan projek seperti ini. Barulah dapat [] manfaatnya.

Pada masa yang sama, untuk memastikan para pelajar dapat mendengar inti pati video dengan lebih baik, para pelajar mengisikan tempat kosong seperti yang ditunjukkan di Rajah 3. Klip video juga dipecahkan kepada tiga bahagian agar penelitian (apa yang mereka lihat) pelajar lebih terperinci.

Rajah 4: Penyusun Grafik Untuk *See* Dalam SLS

SEE-LTW

Tonton video ini dan catatkan secara **terperinci** (setiap butiran maklumat) apa yang awak nampak. Sebagai contoh,

- terangkan siapa yang mengembalikan payung tersebut
- bilakah waktunya payung-payung ini digunakan
- dan sebagainya

Peringatan: Rajah di bawah ini hanya boleh dikemas kini atau diedit sebanyak 3 kali.

THINKING ROUTINE 1

00:00-00:24

00:25-00:40

00:40-01:00


Langkah *See-Listen* diberikan penekanan kerana ia merupakan langkah asas yang perlu dikuasai pelajar sebelum melanjutkan ke *Think (Theme)-Wonder* yang menekankan peri pentingnya pemikiran yang lebih mendalam.

Maklum balas guru diberikan bagi memastikan pelajar menggarap rutin berfikir *See-Listen-Think (Theme)-Wonder* (SLTW) dengan lebih baik. Maklum balas yang diberikan bersifat umum dan kadangkala diberikan dalam

bentuk soalan bagi mendorong pelajar untuk memikirkan jawapan yang telah diberikan.

Pelajar juga membalas komen guru dengan menyatakan perubahan yang ingin dilakukan selepas membaca komen guru. Pada mulanya, pelajar kurang yakin akan perubahan yang perlu dilakukan. Namun, setelah mendapatkan penerangan daripada guru, pelajar lebih memahami apa yang dikehendaki.

Rajah 5: Contoh Maklum Balas Untuk SLTW Di SLS



Kemudian, rutin berfikir Nyatakan-Sokong-Soal (NSS) diperkenalkan kepada pelajar untuk mendalami pemahaman mereka terhadap video yang telah ditonton. Berdasarkan rutin berfikir SLTW yang telah diperkenalkan kepada pelajar, rutin berfikir NSS memperhalusi bahagian *Think* sementara *See-Listen* merupakan panduan untuk *Support* yang menyokong *Claim*.



Rajah 6: Contoh Kaitan SLTW Dengan CSQ Di SLS

The screenshot shows a student interface with a 'THINKING ROUTINE 1' section. It contains two columns of questions:

- Column 1:
 - Apakah yang ingin disampaikan dalam video ini? Mengapa awak berkata demikian?
 - Saya rasa video ini... kerana ...
- Column 2:
 - Apakah soalan-soalan yang awak ada tentang video ini?
 - Saya ingin bertanya

Below the questions is a table with three columns: Opinion, Support, and Question.

Opinion	Support	Question
Tulislah satu 'Opinion' atau pandangan tentang video yang kamu telah tonton.	Berdasarkan SL daripada SLTW, berikan contoh untuk menyokong 'Opinion' kamu. Kamu juga disenaraikan untuk menggunakan 5W/1H untuk memberikan pengalaman peribadi kamu.	Berdasarkan 'Opinion' & 'Support' kamu, fikirkan soalan-soalan berikut. What's left hanging? What isn't explained? What new reasons does your claim raise? Think of reasons why this may be true.

Rutin Berfikir yang didedahkan kepada pelajar dikekalkan dalam bahasa asalnya iaitu Inggeris untuk memudahkan penggunaan oleh pelajar memandangkan rutin berfikir yang sama juga digunakan untuk mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Inggeris dan Sains. Namun demikian, rutin berfikir yang telah digunakan melalui rombakan atau perubahan untuk disesuaikan dengan konteks penggunaan serta untuk memudahkan penggunaan bagi pelajar.

Rajah 7: Mengaitkan SLTW Dengan CSQ Di SLS

The screenshot shows a comment interface with the following content:

- OPINION 1**
- pada pandangan saya, saya rasa kita perlu bertanggung jawab dengan payung tersebut dan kita harus pulangkan payung tersebut ke tempat asalnya.
- Hide comment
- Cikgu Siti Aisah**
Nilufar, pandangan yang sesuai!

Berdasarkan maklum balas pelajar dan guru, rutin berfikir NSS telah diperhalusi menjadi *Opinion-Support-Question* bagi membantu pelajar memahami penggunaan rutin berfikir ini. Langkah ini diambil setelah mendapatkan persetujuan pelajar akan pengertian perkataan *Claim* yang kabur menurut pelajar. Disebabkan itu, setelah mengongsikan tujuan *Claim* untuk NSS, *Opinion* digunakan untuk menggantikan perkataan *Claim* walaupun pemaknaannya tetap sama.

Melalui prapenilaian formatif dan pascapenilaian formatif yang telah dijalankan pada bulan Januari dan bulan Oktober, mutu pendapat pelajar secara keseluruhan semakin baik. Melalui pengamatan guru, pelajar berkebolehan tinggi menunjukkan kemampuan memahami dan menggunakan rutin berfikir dan maklum balas guru dengan lebih berkesan. Pelajar bukan sahaja dapat merumuskan pendapat masing-masing dengan lebih jelas berpandukan rutin berfikir, malah dapat membuat perubahan yang bersesuaian dengan maklum balas yang diberikan oleh guru. Pelajar juga didapati berupaya memberikan maklum balas terhadap apa yang telah dicadangkan oleh guru dan mengikuti saranan-saranan yang diberikan untuk mencapai objektif pembelajaran. Ini bersesuaian dengan penekanan Hattie (2012) bahawa pelajar lebih suka menerima maklum balas yang berkaitan dengan pencapaian dalam pembelajaran (menepati matlamat pelajaran), diberikan tepat pada masanya (tidak lewat) dan tentang tugasannya (bukan tentang dirinya).

Tambahan pula, penggunaan wadah teknologi maklumat yang berkesan seperti portal SLS, bukan sahaja memudahkan guru untuk mengikuti perkembangan pembelajaran setiap pelajar tetapi juga memastikan pelajar mudah mengakses hasil kerja mereka daripada rumah selagi mereka mempunyai rangkaian internet.

KESIMPULAN

Melalui pemerhatian guru, penggunaan rutin berfikir dan keberkesanan maklum balas guru dalam pembelajaran kemahiran lisan melalui penggunaan portal SLS perlu diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu secara konsisten agar pelajar biasa dengan kerangka yang dapat membimbing pemikiran mereka.



Tambahan pula, untuk memastikan keberkesanan sistem *1:1 computing* ini, rutin berfikir penggunaan *Chromebook* di dalam kelas masih perlu diperkukuhkan lagi supaya semua pelajar mendapat pembelajaran yang lebih menyeluruh. Penggunaan *Chromebook* dan penyampaian secara lisan harus diseimbangkan supaya pelajar bukan sahaja berupaya menaip pendapat sendiri malah yakin menyampaikan pendapat ini secara lisan.

Kajian ini telah berupaya meningkatkan keupayaan pelajar, khususnya pelajar berkebolehan tinggi, untuk mendalami pendapat masing-masing. Penggunaan portal SLS lewat sistem *1:1 computing* mampu mengekalkan tumpuan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana mereka dapat mencari maklumat yang diperlukan dengan pantas bagi tujuan melengkapkan tugasan. Peranan guru juga telah berubah menjadi pemudah cara kerana hampir kesemua maklumat datang daripada pelajar sendiri. Sebagai pemudah cara, guru memainkan peranan penting dalam memberi maklum balas ketika pembelajaran berlaku dan bukan beberapa hari selepasnya. Dengan cara ini, pelajar dapat memperbaiki atau menambah nilai respons mereka ketika kelas itu sedang dijalankan, sewaktu maklum balas yang diberikan jelas di ruang komen dan segar dalam ingatan. Ini antara kelebihan perisian komen yang sedia ada dalam rutin berfikir di portal SLS. Selain itu, penggunaan portal SLS juga membenarkan pelajar untuk lihat semula maklum balas guru dengan cepat dalam pembelajaran yang lalu atau membuat perbandingan tentang tahap pencapaian masing-masing dalam tugasan-tugasan yang serupa untuk menilai sendiri peningkatan mereka. Pengumpulan data sedemikian sangat berguna bagi tujuan mencapai matlamat pembelajaran sendiri.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Mastura Ashari
2. Nur Atikah Abdul Hakim

RUJUKAN

Hattie (2012) *Visible Learning for Teachers: Maximizing Impact for Learning*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group



- Hattie & Clarke (2019) *Visible Learning Feedback*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group
- Bailey, R., & Garner, M. (2010). Is the feedback in higher education assessment worth the paper it is written on? Teachers' reflections on their practices. *Teaching in Higher Education*, 15, 187–198.
- Ciftci, H., & Kocoglu, Z. (2012). Effects of peer e-feedback on Turkish EFL students' writing performance. *Journal of Educational Computing Research*, 46, 61–84.
- Hattie & Timperley (2007) *The Power of Feedback*. *Review of Educational Research* 2007 77:81. AERA and SAGE
- Hyland, F., & Hyland, K. (2001). Sugaring the pill: Praise and criticism in written feedback. *Journal of Second Language Writing*, 10(3), 185–212
- Marshall, H. H. (1988). In pursuit of learning-oriented classrooms. *Teaching and Teacher Education*, 4(2), 85–98.
- Ritchhart, R., Palmer, P., Church, M., & Tishman, S. (2006). *Thinking routines: Establishing patterns of thinking in the classroom*. Kertas dibentangkan di American Educational Research Association, San Francisco.
- Ron Ritchhart and David Perkins. *"Making Thinking Visible,"* *Educational Leadership* 65, no. 5 (February 2008): 57–61.
- Tai, H., Lin, W., & Yang, S. C. (2015). Exploring the effects of peer review and teachers' corrective feedback on EFL students' online writing performance. *Journal of Educational Computing Research*, 53, 284–309.

